

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN LUKANISMAN BIN AWANG
SAUNI [SIBUTI]**

SOALAN NO. 237

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan bagi tahun 2018 berapakah jumlah Program Perumahan Rakyat Termiskin dan Program Baikpulih Rumah telah diluluskan bagi Parlimen Sibuti dan berapakah jumlah kuota Bina Baru Rumah Rakyat Termiskin yang diperuntukkan bagi Sarawak bagi tahun 2019.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah Program Perumahan Rakyat Termiskin dan Program Baik Pulih Rumah telah diluluskan bagi Parlimen Sibuti adalah seperti berikut:

TAHUN	Bina Baharu	Baik Pulih	Jumlah Peruntukan (RM)
2017	12	105	2,391,000.00
2018	5	55	1,165,000.00
2019	7	23	821,000.00
Jumlah	24	183	4,377,000.00

2. Bagi Negeri Sarawak, sebanyak RM20 juta diperuntukkan pada tahun 2019 untuk bantuan bina baharu rumah daripada keseluruhan peruntukan bina baharu di seluruh negara berjumlah RM86.038 juta. Dengan peruntukan sebanyak RM20 juta ini, disasarkan sebanyak 262 unit rumah akan dibina berbanding keseluruhan sasaran bina baharu rumah di seluruh negara sebanyak 1,224 unit.